


Alkitab untuk Anak-anak
memperkenalkan

Yesus Menyembuhkan Orang Buta



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY


Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

Bartimeus adalah seorang lelaki buta, duduk di tepi jalan berhampiran Yerikho. Mengemis. Sesetengah orang yang baik hati mungkin memberinya syiling kecil atau sekeping makanan semasa mereka berlalu. Bartimeus tidak dapat bekerja kerana dia tidak dapat melihat. Dia hanya mampu mengemis.



Pada suatu hari, jalan raya itu sangat sibuk. Bartimeus mendengar banyak bunyi tapak kaki. Sesuatu yang ajaib telah terjadi. Tidak lama kemudian orang buta itu mengetahui apa yang terjadi. Yesus dari Nazaret berada dalam kota. Orang banyak berkumpul untuk melihat Yesus, untuk mendengar Dia.




3

"Yesus, Anak Daud, kasihanilah aku!" Mengapa Bartimeus berteriak? Mengapa dia pikir Yesus boleh menolongnya? Mungkin dia telah mendengar tentang orang lain yang telah disembuhkan oleh Yesus. Ada yang pekak, ada yang bisu, ada yang lumpuh - dan ada yang buta, seperti dia. "Anak Daud, kasihanilah aku," Bartimeus berteriak lagi dan lagi. Suaranya bergema dengan harapan.



4

Bartimeus yakin akan satu perkara. Jika dia tidak mendapat bantuan sekarang, dia mungkin tidak akan mendapat peluang lagi. Yesus mungkin tidak akan melewati jalan ini lagi.




5

Bartimeus harus mendekati Yesus. Tapi orang-orang itu tidak bergerak. "Ssssst!" mereka berkata. Mereka memperingatkannya untuk diam.




6

Tetapi Bartimeus tidak diam. Dia teruskan menjerit. Tiba-tiba Yesus berhenti! Dengar! Memerintahkan orang buta itu dibawa kepada-Nya! "Bergembiralah," kata orang ramai kepada Bartimeus. "Bangun. Dia memanggilmu."




7

Sambil membuang pakaiannya, Bartimeus bangkit dan datang kepada Yesus.



8

"Apa yang kau mahu Aku lakukan untukmu?" Yesus bertanya. Bagaimana kamu akan menjawab soalan ini? Adakah kamu akan meminta wang yang banyak atau pakaian baru yang bagus? Adakah itu yang Bartimeus mahukan?



9

Tidak, Bartimeus buta tidak meminta emas atau pakaian yang bagus kepada Yesus. Yesus tahu apa yang Bartimeus mahukan.




10

"Tuhan, supaya aku dapat melihat." Bartimeus mahu melihat! Untuk melihat pokok-pokok dan burung-burung dan segala keindahan ciptaan Tuhan. Dia mahu melihat supaya dia boleh menjaga dirinya sendiri dan tidak menjadi pengemis.



11

Kemudian Yesus berkata kepada Bartimeus: "Terimalah penglihatanmu. Imanmu telah menyelamatkanmu."



12

Seketika itu juga dia melihat, lalu mengikut Yesus. Apa yang dia boleh katakan ialah "Tuhan itu hebat! Dia menyembuhkanku!" Ia adalah saat yang indah untuk Bartimeus.



13

Semua orang yang melihatnya, memuji Tuhan. Sekali lagi, mereka telah melihat kuasa yang menakjubkan dari Anak Tuhan, Yesus, memberikan penglihatan kepada seorang pengemis buta yang miskin.




14

Yesus Menyembuhkan Orang Buta
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
Markus 10; Lukas 18; Yohanes 9

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi
terang, memberi pengertian kepada
orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

15



50

60

16

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

17